



## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM DIGITAL@KKD SUBURKAN LITERASI DIGITAL, MANFAATKAN PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT**

**MACHANG, 24 Jun 2023** – Seramai 29,609 penerima inisiatif PerantiSiswa telah dikenal pasti oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) di Kelantan dan hingga kini 24,525 tablet telah diedarkan di negeri ini.

Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil hari ini telah menyerahkan PerantiSiswa kepada mahasiswa negeri ini sempena Program Digital@KKD di UiTM Cawangan Kelantan (Kampus Machang).

Sehingga kini sebanyak 381,251 tablet telah diagihkan ke seluruh negara menerusi inisiatif PerantiSiswa yang diterajui oleh KKD sejak September 2022 untuk membantu mahasiswa dan pelajar daripada keluarga B40 bagi memastikan kelancaran proses pembelajaran.

Program Digital@KKD merupakan anjuran bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang menggabungkan tiga program iaitu inisiatif PerantiSiswa, Program MyDIGITAL.KKD dan Kempen Saya Digital.

Kempen Saya Digital turut diadakan bagi mempersiapkan rakyat dengan kemahiran digital untuk memperkasakan ekonomi digital terutamanya kepada golongan B40, warga emas, komuniti rentan sosioekonomi, pelajar dan usahawan. Program eUsahawan Saya Digital Bisnes yang merupakan salah satu teras Kempen Saya Digital telah berjaya melatih seramai 27,595 usahawan di Kelantan dengan jumlah jualan terkumpul melebihi RM1.1 bilion.

Selain itu, portal MyDIGITAL.KKD merupakan sebuah pusat sehati yang dibangunkan oleh KKD dalam usaha pendigitalan pelbagai perkhidmatan kerajaan untuk rakyat.

Program yang dihadiri hampir 500 orang mahasiswa dan usahawan tempatan ini merupakan program turun padang untuk meningkatkan literasi kemahiran digital rakyat agar seiring dengan visi menuju Dekad Keemasan Digital sekali gus menjadikan Malaysia sebagai Harimau Digital Asia.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KKD, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Pengerusi MDEC, YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh; Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor dan Rektor UiTM Cawangan Kelantan (Kampus Machang) YBrs. Professor Dr. Haji Abdol Samad Nawi.

**Dikeluarkan oleh:  
Kementerian Komunikasi dan Digital**